

Sinar Harian 29/4/2019

Nelayan asing biadab, tak takut penguat kuasa

KUALA TERENGGANU - Nelayan asing yang menceroboh perairan negeri ini bukan saja tidak takut undang-undang, malah enggan mengikut arahan sehingga penguat kuasa terpaksa melepaskan tembakan amaran ke udara.

Bagaimanapun, tindakan biadab itu menerima padah apabila Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menaham enam bot nelayan asing bersama 63 nelayan termasuk tekong Vietnam pada Khamis dan Jumaat lalu.

Kesemua mereka yang berusia 15 hingga 59 tahun termasuk dua individu bawah umur ditahan bersama hasil laut negara yang 'dirompak' bernilai keseluruhan RM6 juta termasuk ikan campur, ikan baja, sotong kering, diesel dan peralatan menangkap ikan.

Pengarah APMM Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, empat daripada enam bot ditahan di kawasan cari gali minyak negara berdekatan dengan sempadan perairan Malaysia-Vietnam manakala dua lagi di kawasan yang berasingan.

"Bot pertama yang membawa 19 nelayan termasuk tekong ditahan pada kedudukan 145 batu nautika timur Kuala Terengganu pada jam 7.30 pagi. Manakala bot kedua membawa 9 nelayan termasuk tekong ditahan pada kedudukan 142 batu nautika timur



Muhammad Suffi (kanan) bersama Ahli Parlimen Kuala Terengganu, **Ahmad Amzar Hashim** menunjukkan hasil laut yang dirampas daripada bot nelayan asing.

Kuala Terengganu pada jam 10.30 pagi.

"Bot ketiga pula yang membawa lapan nelayan termasuk tekong ditahan pada kedudukan 153 batu nautika timur Kuala Terengganu, jam 12.05 tengah hari dan bot keempat membawa lima nelayan termasuk tekong ditahan pada kedudukan 141 batu nautika timur Kuala Terengganu jam 4.01 petang," katanya pada sidang media semalam.

Beliau berkata, dua lagi bot yang disyaki bot klon membawa 22 nelayan termasuk tekong ditahan pada Jumaat pada kedudukan 51 dan 53 batu nautika timur Kuala Terengganu, jam 1.20 dan 1.55 petang.

"Sikap degil tekong bot yang enggan berhenti menyebabkan kami terpaksa melepaskan tembakan amaran ke udara untuk menghalang bot terbabit," katanya.

Muhammad Suffi berkata, hasil pemeriksaan awal mendapati tekong bot kelima yang menggunakan nombor pendaftaran tempatan juga memiliki satu diari yang merekod nama aset-aset kapal APMM yang sentiasa melakukan rondaan di kawasan perairan Laut China Selatan.

"Ini jelas menunjukkan bahawa setiap pergerakan aset-aset APMM sentiasa diawasi oleh bot-bot nelayan Vietnam," katanya.